

Ghafar rakan istimewa

MM - 30/4/2006

Oleh ROSNI HASSAN
Foto GAIE UCHEL

PERSAHABATAN antara bekas Timbalan Perdana Menteri, Allahyarham Tun Ghafar Baba dengan rakan karibnya, Datuk Tan Cheng Swee, 85, yang dikenali sejak 51 tahun lalu cukup akrab dan bertahan hinggalah beliau menghembus nafas terakhir, Ahad lalu.

Mereka berkongsi banyak kenangan suka dan duka sejak lebih setengah abad lalu. Justeru penasihat MCA Melaka ini mengakui begitu merindui rakan yang sama-sama berjuang dengannya dalam politik sejak tahun 1955 lagi.

Maka apabila diberitahu, pertemuan dengan penulis Khamis lalu, bukan untuk mengungkap sejarah perjuangan Ghafar kerana telah banyak yang dipertanyakan mengenainya - sejak beliau meninggal dunia.

Sebaliknya, pertemuan kali ini adalah untuk berkongsi pengalaman serta kenangannya sepanjang menjadi kawan baik Ghafar, Cheng Swee bersetuju dan tersenyum.

"Tun Ghafar sebenarnya seorang yang suka melawak dan berjenaka, saya senang apabila bersamanya dan mendengar beliau melawak. Beliau berkawan dengan semua orang dan melayan semua orang sama sahaja, tanpa mengira bangsa dan agama mereka," katanya.

Cheng Swee kemudiannya tersenyum lagi, sebelum menjawab: "Entahlah, sudah lupa," apabila ditanya antara lawak Ghafar yang masih diingatinya dan ingin dikongsi bersama.

Katanya lagi: "Hubungan kami seperti abang dengan adik. Ia hubungan yang berterusan, berkembang secara perlahan-lahan semasa kami berjuang bersama-sama dalam politik."

Ghafar menjadi Ketua Menteri pada 1959 sementara Cheng Swee menjadi Exco kerajaan negeri sejak 1957. Ghafar banyak



CHENG Swee tetap merindui Ghafar.

**Teluk Emas Pantai Ketapang,
Anak ketam berlari-lari;
Hilang emas boleh kutukang,
Hilang Tun Ghafar mana nak cari.**

— Bekas Bendahari UMNO, Tan Sri Abdul Aziz Tapa

**Dua tiga si kucing belang,
Mati seekor di atas titi;
Mana mungkin Tun Ghafar hilang,
Tun Ghafar hidup di dalam hati.**

— Tidak bernama diterima oleh Tamrin

memainkan peranan dalam membangunkan Melaka dan dianggap sebagai arkitek kepada kemajuan Melaka pada dekad 1950-an dan 1960-an.

Apabila diminta menyatakan bagaimana Ghafar dari kaca matanya sendiri, kata Cheng Swee: "Tun Ghafar seorang yang ringkas, sederhana dan apabila berkawan sentiasa ikhlas. Beliau berjiwa besar dan disukai ramai kerana sikapnya yang lebih suka merendahkan diri itu."

Cheng Swee, mengenali Ghafar semasa pilihan raya 1955 yang mana ketika itu Ghafar bertanding dan memenangi kerusi Melaka Luar sementara Cheng Swee adalah setiausaha bagi jawatan-kuasa pilihan raya.

Sejak itu hubungan kedua-duanya berkembang menerusi pertemuan di rumah Ghafar di Peringgit yang kini dijadikan galeri bagi mengabadikan sejarah kepimpinan beliau. Selain itu, mereka juga bertemu di rumah Cheng Swee di Bukit Cina, Melaka serta di forum-forum politik dan sebagainya, sehingga akhirnya menjadi rakan karib.

"Ghafar seorang rakan yang cukup istimewa dan beliau tidak pernah memandang kepada pangkat



mahupun kedudukan," kata Cheng Swee sambil menceritakan peristiwa yang dialami di lapangan terbang di luar negara suatu ketika dahulu.

Pangkat

Beliau masih ingat, Ghafar yang pada masa itu membawa sebuah beg sederhana besar tanpa rasa kekok membawa beg Cheng Swee yang agak besar, sedangkan beliau ketika itu mahu mendapatkan troli untuk memudahkan pergerakan mereka.

Tambahnya, walaupun ketika itu Ghafar sudah ada kedudukan dan jawatan dalam politik, sikapnya itu memperlihatkan bahawa beliau seorang pemimpin yang tidak banyak kerehnan dan protokol sebaliknya lebih mementingkan sesuatu itu dibuat dengan cepat dan betul.

"Beliau sangat mesra, tidak berlagak walaupun kedudukannya yang tinggi sebagai pemimpin. Tun Ghafar tidak gilakan pangkat sebab itu beliau tidak mahu sebarang pingat sehinggalah bersara dalam kerajaan," ujarnya.

Mengimbas perkara yang biasa dikongsi ketika bersama Ghafar kata Cheng Swee, selain bertukar pandangan mengenai politik, kedua-dua mereka juga berkongsi minat yang sama iaitu mengenai kereta.

Katanya, mereka berdua boleh bercakap panjang lebar mengenai model-model kereta serta kecanggihannya kerana masing-masing meminatinya.

"Dengan minat yang sama dan pandangan politik yang sama, kami mudah berkomunikasi kerana masing-masing saling faham memahami," tambah beliau.

Banyak pengalaman ditempo sepanjang persahabatan mereka dan antara yang masih diingatinya ialah peristiwa ketika Singapura mahu keluar dari Malaysia dahulu.

Menurutnya, suatu hari Ghafar mengajaknya ke Tampin lalu sebagai rakan yang setia kawan beliau mengikut tanpa banyak soal.

"Saya masih ingat lagi, Tun Ghafar datang bawa saya pergi Tampin, naik kereta api ke Singapura dan beliau tak cakap apa-apa pun, sudah naik kereta api baru cakap nak pergi Singapura sebab Singapura mahu keluar dari Malaysia.

"Tun Ghafar beritahu beliau diminta Tunku Abdul Rahman supaya jumpa Melayu Singapura. Saya beritahu beliau,

saya tak bawa apa-apa, tak ada baju dan sebagainya, beliau kata tak apa, boleh beli di Singapura," katanya sambil mengakui Ghafar seorang pejuang tulen.

Menurut Cheng Swee, mereka boleh berkongsi banyak rahsia politik kerana kedua-duanya saling percaya antara satu sama lain ditambah dengan nilai persahabatan mereka yang dibina atas dasar keikhlasan dan bukannya untuk kepentingan tertentu.

Malah, katanya, mereka mengetahui mengenai peletakan jawatan Tan Sri Musa Hitam sebagai Timbalan Perdana Menteri semasa di Hong Kong, ketika membaca sebuah akhbar berbahasa Inggeris.

"Kami berdua terkejut dengan berita itu, siapa sangka malah Ghafar sendiri tidak menyangka selepas itu tempat nombor dua dalam negara itu rupanya diisi oleh beliau," katanya.

Menurut Cheng Swee lagi, antara perkara yang sering dilakukan berdua ialah makan. Dan antara makanan kegemaran Ghafar ialah 'steak' dan mungkin juga kerana berkawan dengannya, makanan Cina seperti 'shark's fin' juga menjadi kegemaran Ghafar.

"Walaupun beliau menjadi Timbalan Perdana Menteri dan menetap di Kuala Lumpur selepas bersara setiap kali pulang ke Melaka, Ghafar mesti cari saya, kami keluar makan bersama dan tidak pernah jemu untuk bercerita tentang apa sahaja yang menarik minat kami.

"Begitu juga apabila saya ke Kuala Lumpur, saya akan cari Ghafar. Kami makan dan berbual tentang macam-macam perkara termasuk mengenai perkembangan masing-masing," ujarnya.

Apa pun, bagi Cheng Swee terlalu banyak kenangan yang dikongsi sepanjang 51 tahun usia persahabatan mereka, justeru walaupun mengetahui komplikasi penyakit Ghafar serius lalu beliau telah mempersiapkan diri untuk menghadapi sebarang kemungkinan. Tetapi apabila menerima berita pemergian rakannya itu beliau resah dan kelam kabut.

"Saya tak tahu nak buat apa, saya merasai kehilangannya dan merindunya," kata Cheng Swee, sambil memberitahu, walaupun rakannya itu sudah tiada beliau akan terus mengunjungi keluarga Ghafar dan berbual-bual dengan anak-anaknya untuk melepaskan kerinduan.

Cheng Swee tidak mahu hubungan rapat yang terjalin sejak sekian lama dengan keluarga Ghafar terputus selepas beliau meninggal dunia kerana beliau menyayangi keluarga Ghafar dan begitu juga mereka yang menghormati dan menyenanginya.

Menurut Cheng Swee, kali terakhir beliau berjumpa dengan Ghafar ialah 21 April lalu ketika keadaannya agak kritikal. Begitu pun tiga minggu sebelum itu beliau ada bertemu Ghafar.

"Ketika itu, beliau pegang tangan saya sambil menyebut nama saya berulang kali dan saya beritahu beliau jangan susah hati dan kami semua okey," kata Cheng Swee yang kelihatan agak terharu apabila mengingati kembali saat-saat terakhirnya bersama Ghafar.

Mengakhiri perbualannya, Cheng Swee mengakui, beliau kehilangan seorang sahabat karib yang tidak dapat dicari ganti kerana baginya pemergian Ghafar bermakna beliau kehilangan seseorang yang dianggap sebagai ahli keluarga sendiri.

Komentaar pemimpin

Padamlah satu kandil negara yang sepanjang hayatnya menyalakan cahaya untuk menerangi kehidupan bangsanya

— Perdana Menteri,
Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi

Ghafar sangat dibanggakan sebagai seorang bekas guru dan pemimpin yang memperjuangkan nasib masyarakat luar bandar

— Timbalan Perdana Menteri,
Datuk Seri Najib Tun Razak

Saya sekeluarga berdoa semoga Allah s.w.t. mencucuri rahmat-Nya kepada roh Allahyarham dan ditempatkan bersama orang-orang yang soleh. Amin

— Bekas Perdana Menteri,
Tun Dr. Mahathir Mohamad

Tun Ghafar seorang yang kuat prinsip dan teguh pendiriannya. Dia telah memilih untuk berkhidmat kepada rakyat dan menyumbang ke arah menjadikan Malaysia sebuah negara moden dan makmur

— Perdana Menteri Singapura,
Lee Hsien Loong

Walaupun dari segi akademik beliau tidak begitu tinggi tetapi politik beliau adalah halus dan beliau benar-benar mewakili rakyat. Kata-kata beliau yang saya tak pernah lupa ialah walaupun sudah menjadi pemimpin, kita jangan lupa asal usul kita... akar umbi kita

— Bekas Timbalan Perdana Menteri,
Tan Sri Musa Hitam

Berita ini (pemergian beliau) menggelapkan keceriaan pagi seluruh rakyat dan turut membawa saya jauh terkenangkan seseorang yang terlalu banyak budi dan jasa khususnya di hujung akhir hayatnya

— Menteri Besar Kelantan,
Datuk Nik Aziz Nik Mat